

60 pelajar UMS sertai 'Finishing School Programme'

NST 4.4.17 4

KOTA KINABALU: Finishing School-Programme anjuran Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapat sambutan hangat 60 pelajar UMS baru-baru ini.

Menurut Pengarah Program, Nur Syafiqah Sa'adatul Hana, program tersebut yang diadakan di Auditorium, Perpustakaan UMS itu memberi

peluang kepada para pelajar membuat persiapan awal sebelum menempuh alam pekerjaan.

"Selain itu, program ini membuka peluang kepada mahasiswa tahun akhir untuk mencari tempat bagi tujuan latihan industri serta membantu graduan yang masih belum mendapat pekerjaan," katanya.


Ujar beliau, antara pengisian program itu termasuklah

slot ceramah bertajuk 'Choosing Your Career' telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Pegawai Psikologi dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP), Nurul Fatiha Firdaus Roslan.

Pada slotnya itu, Nurul Fatiha memberi pencerahan mengenai tajuk yang diberikan serta memberi panduan arah tuju para pelajar selepas menamatkan pengajian kelak.



PESERTA ... Sebahagian peserta "Finishing School Programme" bergambar kenangan bersama penceramah, Nurul Fatiha.



NURUL FATIHA ... Pegawai Psikologi Jabatan Hal Ehwal Pelajar menyampaikan ceramah.